



KENYATAAN AKHBAR

**YB DATUK SERI DR. HAJI WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR
MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR**

**ADUAN PROJEK EKVE MEMBAWA BENCANA KEPADA PENDUDUK
KAMPUNG FELCRA SEMUNGKIS, HULU LANGAT YANG DISIARKAN DALAM
BERITA TV 9 PADA 29 NOVEMBER 2017**

3 DISEMBER 2017

1. Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) sentiasa mengambil berat dan prihatin terhadap keperluan dan denyut nadi rakyat dalam mengurus pembangunan Negara demi mengekalkan sumber asli dan alam sekitar secara lestari.
2. Saya telah mengambil perhatian terhadap aduan dari penduduk Kampung Felcra Semungkis, Hulu Langat yang disiarkan dalam Berita TV9, pada 29 November 2017 mengenai projek EKVE.
3. Berhubungan dengan itu, saya telah mengarahkan Ketua Pengarah Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan Ketua Pengarah Jabatan Mineral dan Geosains (JMG) untuk membuat pemeriksaan dan kajian di tapak berkenaan. Seterusnya, Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor dan Jabatan Alam Sekitar Ibu Pejabat Putrajaya telah membuat pemeriksaan menyeluruh ke tapak projek Lebuhraya East Klang Valley Expressway (EKVE) pada 30 November 2017 dan pihak JMG sedang membuat kajian terperinci terhadap cerun, pergerakan tanah dan tanah runtuh.

4. Projek EKVE adalah projek pembinaan lebuhraya sepanjang 24 kilometer yang bermula dari Sg Long *Interchange* hingga ke Ukay Perdana *Interchange* dan telah diberi kelulusan Environmental Impact Assessment (EIA) secara terperinci pada 25 April 2013 di peringkat pembinaan. Projek ini terbahagi kepada tiga (3) pakej yang melibatkan pakej 1 dari Sg Long *Interchange* ke Hulu Langat *Interchange* (14km), pakej 2 dari Hulu Langat *Interchange* ke Ukay Perdana *Interchange* (10km) dan Pakej 3 dari Taman Sierra Ukay ke Persimpangan Kg Pasir, Ampang (3km).
5. Projek EKVE telah dikenakan Perintah Berhenti Kerja di bawah Seksyen 34AA(1)(b) dan 34AA(2)(c), Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 oleh Ketua Pengarah Alam Sekitar Malaysia pada 24 Oktober 2017 susulan daripada aduan dan kegagalan EKVE melaksanakan kawalan hakisan dan kelodakan di tapak projek mengikut garis panduan "Land Disturbing Pollution Prevention and Mitigation (LDP2M2)".
6. Sejak itu, JAS Selangor telah menjalankan pemantauan ke atas projek EKVE Sdn Bhd pada setiap minggu dan didapati aktiviti kerja tanah dan pembinaan lebuhraya di keseluruhan tapak projek EKVE telah dihentikan sepenuhnya. Hanya kerja-kerja pembaikan kawalan hakisan dan kelodakan sahaja dibenarkan untuk dilaksanakan. Selain daripada itu, EKVE juga telah menunjukkan komitmen untuk meningkatkan kawalan hakisan dan kelodakan sepertimana diarahankan oleh pihak JAS.
7. JAS Negeri Selangor juga mendapati tiada kejadian banjir yang baru berlaku di tapak projek EKVE di Kampung Felcra Semungkis, Hulu Langat dan tiada kerja tanah atau pembinaan berjalan seperti aduan yang disiarkan di dalam Berita TV9. Hanya terdapat beberapa komponen kawalan hakisan dan kelodakan yang rosak akibat hujan berterusan dan lebat beberapa hari kebelakangan ini.
8. Perintah Berhenti Kerja yang dikeluarkan **masih berkuasa dan akan diteruskan sehinggalah pihak Kementerian berpuashati** dengan semua langkah-langkah membaiki, kawalan hakisan dan kelodakan dilaksanakan

sepertimana perancangan “Best Management Practices” (BMPs) yang dicadangkan dan pemaju projek mengemukakan bukti-bukti bergambar dan disahkan melalui pemeriksaan di lapangan oleh JAS dan JMG.

Sekian, terima kasih.